

**Palanivel Umum Tugas Beliau Dalam Kabinet
Bernama
26 Ogos 2011**

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk G. Palanivel berkata Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Biro Pengaduan Awam (BPA) akan diletakkan di bawah jagaannya. "Saya juga akan mengendalikan tugas-tugas khas. Saya akan umumkan butiran lanjut kepada media selepas 7 September," kata presiden MIC itu kepada pemberita selepas menghadiri satu majlis di sini Jumaat malam. Palanivel, yang mengangkat sumpah sebagai Menteri di depan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin pada 9 Ogos lepas, berkata beliau bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Khamis bagi membincangkan tugasnya dalam Kabinet.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=610709>